



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia  
(MASMED)

# M A S M E D U P D A T E S 2022

MALAYSIAN ACADEMY OF SME & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT

Home / Peniaga mesti belajar urus kewangan




**DagangNews.com**

MULANYA DI SINI - 21 February 2022



**Peniaga mesti belajar urus kewangan**

Oleh Dr. Nurazleena Ismail

### "Ramai usahawan yang ada duit, tapi tak ramai yang boleh urus duit dengan bijak."

Tidak sampai setahun dua, perniagaan pun tutup. Kenapa? Tidak pandai urus wang...

Produk bagus, dah ada pelanggan yang setia tapi perniagaan tidak boleh diteruskan disebabkan tiada ilmu dalam menguruskan kewangan dengan bijak.

Kata-kata ini selalu bermain di fikiran para penasihat perancangan kewangan kepada para usahawan atau "founder" yang masih kabur dengan pengurusan kewangan yang bijak.

Perkara sedemikian selalu terjadi kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana.

Mereka kurang ilmu dalam perniagaan dan tidak ingin menimba ilmu tersebut.

Adakah mereka tidak tahu? Atau tidak ingin ambil tahu? Itu adalah dua perkara yang berbeza.



Mereka tidak tahu kerana kurang pendedahan mengenai maklumat kursus-kursus yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO.

Mereka tidak ingin ambil tahu atau bersikap tidak endah walaupun telah didedahkan pelbagai maklumat mengenai latihan dan kursus dalam perniagaan, tetapi tidak cuba untuk meluangkan masa mengikutinya.

Kenapa? Sebab mereka kata mereka sudah tahu segala-galanya mengenai pengurusan kewangan.

Hakikatnya, ramai usahawan di luar sana masih menjalankan perniagaan tanpa ada rekod kewangan yang betul yang menyebabkan mereka tidak tahu sama ada perniagaan mereka untung ataupun rugi.

Artikel oleh Dr. Nurazleena Ismail, Koordinator Keusahawanan UiTM Cawangan Kelantan yang dipaparkan di portal DagangNews dengan tajuk "Peniaga mesti belajar urus kewangan".



# KOMPLEKS USAHAWAN